

Metode Fuzzy Delphi: Analisis Keperluan Terhadap Pembangunan Model Pendakwah Mualaf Profesional

BITARA

Volume 8, Issue 1, 2025: 113-132
© The Author(s) 2025
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 3 January 2024
Accepted: 26 January 2024
Published: 14 February 2025

[Fuzzy Delphi Method: Needs Analysis for the Development of a Professional Convert Preacher Model]

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Redwan Yasin, Mariam Abd Majid, Norrodzoh Siren, Mohd Farid Ravi Abdullah, Nurshamira Abdullah, Suariza @ Hidayah Muhammad & Masitah Esa^{1*}

¹ Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Universiti Islam Selangor, 43600 Bangi, Selangor, MALAYSIA. E-mail: yusofmarlon@uis.edu.my

*Corresponding Author: yusofmarlon@uis.edu.my

Abstrak

Kajian ini menggunakan Metod Fuzzy Delphi (FDM) untuk menganalisis keperluan bagi pembangunan model pendakwah *mualaf* profesional. *Mualaf* merupakan individu yang baru memeluk Islam dan berpotensi menjadi agen dakwah berkesan, khususnya dalam kalangan komuniti bukan Muslim. Walau bagaimanapun, kekurangan bimbingan sistematik dan sokongan institusi menghalang potensi mereka untuk berperanan sebagai pendakwah profesional. Kajian ini dilaksanakan melalui tiga fasa utama: analisis keperluan, reka bentuk dan pembangunan model, serta penilaian kebolegunaan. Fasa pertama melibatkan temubual separa struktur dengan pakar dan *mualaf* profesional bagi mengenal pasti cabaran dan keperluan pembangunan. Hasil dapatan dianalisis menggunakan FDM bagi menentukan elemen dan komponen utama model yang dicadangkan. Fasa terakhir menilai kebolegunaan model menggunakan Teknik Kumpulan Nominol Ubah Suai (Modified NGT) bersama pegawai dakwah. Hasil kajian menunjukkan keperluan terhadap model yang menekankan pembangunan ilmu agama, kemahiran komunikasi, kepimpinan dan pengalaman praktikal. Kajian ini mencadangkan model pembangunan yang holistik bagi memperkasakan *mualaf* sebagai pendakwah profesional dan agen perubahan sosial yang efektif.

Kata kunci: Metod Fuzzy Delphi, Model Pendakwah, Mualaf Profesional

Abstract

This study utilizes the Fuzzy Delphi Method (FDM) to analyze the needs for the development of a professional convert preacher model. Converts (*mualaf*) are individuals who have recently embraced Islam and have the potential to become effective agents of da'wah, especially within non-Muslim communities. However, the lack of systematic guidance and institutional support hampers their potential to serve as professional preachers. The study is conducted through three main phases: needs analysis, model design and development and usability evaluation. The first phase involves semi-structured interviews with experts and professional converts to identify the challenges and needs for development. The findings are analyzed using FDM to determine the key elements and components of the proposed model. The final phase evaluates the usability of the model using the Modified Nominal Group Technique (Modified NGT) with da'wah officers. The results highlight the need for a model that emphasizes the development of religious knowledge, communication skills, leadership,

and practical experience. This study proposes a holistic development model to empower converts as professional preachers and effective agents of social change.

Keywords: Fuzzy Delphi Method, Preacher Model, Professional Converts



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:


Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Redwan Yasin, Mariam Abd Majid, Norrodzoh Siren, Mohd Farid Ravi Abdullah, Nurshamira Abdullah, Suariza @ Hidayah Muhammad & Masitah Esa. (2025). Metode Fuzzy Delphi: Analisis Keperluan Terhadap Pembangunan Model Pendakwah Mualaf Profesional [Fuzzy Delphi Method: Needs Analysis for the Development of a Professional Convert Preacher Model]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 8(1): 113-132.

Pengenalan

Fasa analisis keperluan merupakan fasa penting yang berperanan besar dalam membangunkan reka bentuk (Saedah Siraj, et. al. 2013). Menurut Shukor Beram, et. al. (2020) menjelaskan bahawa analisis keperluan adalah gabungan sistematik analisis maklumat yang diperlukan bagi membangun sesuatu yang defensif.

Bagi fasa analisis keperluan ini, beberapa prosedur digunakan bagi mengumpul maklumat tentang keperluan sasaran. Sasaran yang dimaksudkan merujuk kepada informan yang terlibat dengan kata lain, bagi mendapat keperluan golongan Mualaf Profesional. Dalam konteks kajian ini, maklumat tentang keperluan golongan Mualaf Profesional terhadap keperluan pembangunan model diperolehi daripada golongan mualaf profesional sama ada telah terlibat dengan sektor dakwah atau tidak terlibat dengan sektor dakwah. Setelah analisis keperluan dikenal pasti, keperluan tersebut akan diterjemahkan kepada keperluan pembangunan model pembentukan mualaf profesional sebagai pendakwah.

Bagi menjalankan analisis keperluan, terdapat enam langkah yang diperlukan bagi melaksanakan proses ini. Langkah-langkah ini adalah berdasarkan kepada model analisis keperluan. Bagi konteks kajian ini, pengkaji menggunakan model analisis keperluan yang diadaptasi daripada model yang diperkenalkan oleh Rossett (1987) iaitu Model *Training Need Assessment* dengan menggunakan pendekatan penilaian berasaskan tujuan (*Purpose Based Assessment*). pemilihan model analisis keperluan ini adalah kerana model ini memfokuskan kepada perancangan sistematik dalam mengkaji pencapaian masalah seseorang atau suatu komuniti. Pendekatan ini turut menekankan keperluan untuk memahami masalah yang dikaji sebelum mencari penyelesaian kepada masalah tersebut. Enam langkah asas dalam menjalankan analisis keperluan adalah seperti yang terkandung dalam Rajah 1 berikut (Mohd Ridhuan & Nurulrabihah, 2020):



Rajah 1: Langkah enam langkah asas analisis keperluan

Dalam kajian ini, penulis menggunakan teknik temu bual separa struktur iaitu dengan menemu bual informan yang mempunyai penglibatan dalam usaha dakwah dan tidak terlibat secara langsung dalam usaha dakwah. Bagi fasa analisis keperluan ini, pengkaji menemu bual informan berkenaan pemahaman berkaitan dengan asas dakwah, cabaran yang dihadapi oleh mualaf profesional dan pandangan informan berkenaan bentuk dakwah yang boleh dibawa oleh mualaf profesional sebagai pendakwah dan adakah terdapat keperluan membangunkan model mualaf profesional sebagai pendakwah.

Metodologi Kajian

Kajian ini mengaplikasikan pendekatan Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan (Design and Development Research, DDR) yang diperkenalkan oleh Richey dan Klein (2007). Pendekatan ini menekankan proses yang sangat sistematik, melibatkan fasa reka bentuk, pembangunan, dan penilaian yang berasaskan kajian empirikal. Richey (2004) menjelaskan

bahawa terdapat dua jenis kajian dalam penyelidikan pembangunan: jenis pertama merujuk kepada proses reka bentuk, pembangunan, dan penilaian produk tertentu, manakala jenis kedua berfokus pada proses reka bentuk, pembangunan, dan penilaian model. Ellis & Levy (2010) juga menyatakan bahawa pendekatan DDR dapat dijadikan panduan dalam penyelidikan berikut:

- i. Menghasilkan teori baru dalam menyelesaikan masalah.
- ii. Reka bentuk dan pengembangan model baru di setiap bidang pengajian.
- iii. Pengembangan kaedah dan proses baru dalam model pelaksanaan atau peralatan yang ada.

Kajian DDR ini pada dasarnya mengandungi empat fasa komprehensif. Fasa pertama dikenali sebagai fasa analisis keperluan. Fasa kedua dikenali sebagai fasa reka bentuk. Fasa ketiga dikenali sebagai fasa pembangunan dan fasa keempat adalah fasa penilaian. Namun, secara praktiknya kajian ini dijalankan menerusi tiga fasa iaitu dengan menggabungkan fasa kedua dan ketiga sebagai satu fasa kajian sebagaimana yang disarankan oleh Mohd Ridhuan (2016) dan Saedah et.al. (2013). Keadaan ini tidak menjejaskan prosedur dan bilangan fasa kajian seperti mana yang dikemukakan oleh Richey dan Klein (2007) bagi kajian berasaskan DDR.

Penggunaan kaedah DDR boleh diperluaskan dan diinovasikan dengan pelbagai pendekatan dan instrumen yang disesuaikan dengan setiap fasa penyelidikan, berdasarkan objektif serta persoalan kajian yang ingin dijawab. Pendekatan ini bukan sahaja mampu menyelesaikan masalah dalam konteks yang spesifik (Saedah et. al., 2013), tetapi juga boleh diadaptasi menggunakan teknologi dan alat kajian terkini seperti Fuzzy Delphi Method (FDM), Nominal Group Technique (NGT), serta kaedah kuantitatif atau kualitatif yang sedia ada. Selain itu, DDR membolehkan penglibatan pelbagai jenis sampel, sama ada daripada kumpulan pengguna atau kumpulan pakar, untuk meningkatkan kualiti dan keberkesanan penyelidikan Mohd Ridhuan (2016).

Justeru itu, metodologi kajian ini menggunakan Metod Fuzzy Delphi (FDM) untuk menganalisis keperluan pembangunan Model Pendakwah Mualaf Profesional melalui penglibatan seramai 10 orang pakar dalam bidang dakwah. Pakar-pakar dipilih berdasarkan kriteria seperti pengalaman luas dalam dakwah, khususnya berkaitan mualaf, kepakaran akademik atau profesional, serta penglibatan aktif dalam program dakwah. Kajian dimulakan dengan sesi temu bual berstruktur bagi mendapatkan pandangan pakar mengenai elemen penting, cabaran dan keperluan dalam membangunkan model ini. Data daripada temu bual dianalisis untuk mengenal pasti tema dan indikator utama yang digunakan sebagai asas pembangunan soal selidik FDM.

Hasil kajian ini adalah senarai elemen keperluan utama yang akan menjadi asas kepada pembangunan Model Pendakwah Mualaf Profesional. Model ini direka bentuk berdasarkan input pakar, memastikan ia relevan dengan keperluan semasa dan dapat digunakan secara praktikal untuk memperkasa peranan mualaf dalam dakwah. Pendekatan ini memastikan hasil kajian adalah sistematik, berpandukan kepakaran, dan memenuhi standard ketepatan serta kebolehpercayaan.

Demografi Informan Analisis Keperluan

Terdapat sepuluh informan yang terdiri daripada golongan muallaf yang terlibat dengan sektor dakwah dan muallaf profesional yang tidak terlibat dengan sektor dakwah. Berikut merupakan demografi bagi setiap informan kajian.

Jadual 1 Demografi informan dari aspek profesional, keterlibatan dakwah dan bangsa

Informan Kajian	Bidang Profesional	Keterlibatan dakwah	bangsa
MP1	Pensyarah Universiti	Tidak terlibat dakwah	Cina
MP2	Pengarah Syarikat	Tidak terlibat dakwah	Cina
MP3	Cikgu Sekolah	Terlibat dakwah	India
MP4	Pengarah Persatuan	Terlibat dakwah	India
MP5	Pegawai Dakwah	Terlibat dakwah	Cina
MP6	Pendakwah	Terlibat dakwah	Kadazan Dusun, Sabah
MP7	Pegawai Agama	Terlibat dakwah	India
MP8	Jurutera	Terlibat dakwah	Cina
MP9	Pensyarah Universiti	Tidak terlibat dakwah	Bidayuh, Sarawak
MP10	Pensyarah Universiti	Terlibat dakwah	India

Berdasarkan profil informan kajian dalam jadual 1.6 memberi gambaran mengenai bidang profesional, keterlibatan dakwah dan bangsa informan. Kajian analisis keperluan ini melibatkan golongan muallaf profesional yang terdiri pelbagai bidang profesional. Bagi keterlibatan informan dalam dakwah terdapat tiga orang informan yang tidak terlibat dengan dakwah dan tujuh orang yang berbaki adalah terlibat dengan dakwah. Manakala terdapat empat orang yang berbangsa Cina, empat orang berbangsa India, seorang berbangsa Bidayuh (Sarawak) dan seorang berbangsa Kadazan Dusun (Sabah).

Data seterusnya menghuraikan latar belakang kesemua golongan muallaf profesional yang terlibat dalam kajian analisis keperluan. Pengkaji menggunakan nama samaran untuk setiap golongan muallaf profesional yang terdiri daripada MP1 sehingga MP10 bagi memudahkan menganalisis data dan penulisan laporan kajian di samping memastikan identiti sebenar informan kajian dirahsiakan daripada pengetahuan umum.

Latar belakang informan pertama - MP1

MP1 merupakan pensyarah di sebuah universiti, berumur 40 tahun. Beliau adalah seorang yang berasal dari bangsa Cina. Beliau telah memeluk Islam selama 9 tahun sehingga kini. Beliau juga mengekalkan nama beliau dalam bahasa cina adalah kerana bagi mengelakkan dari

perselisihan faham antara keluarga berkenaan dengan penukaran nama tersebut. Beliau adalah seorang muallaf profesional yang tidak terlibat secara langsung dalam dakwah.

Latar belakang informan pertama - MP2

MP2 merupakan seorang pengarah syarikat dan mempunyai isteri yang bekerja sebagai pegawai dakwah. Namun begitu, beliau seorang yang tidak terlibat secara langsung dengan dakwah kerana kekangan masa dan kesibukan bekerja. Beliau seorang yang berbangsa Cina dan lebih fasih dan faham bahasa Inggeris berbanding Bahasa Melayu.

Latar belakang informan pertama - MP3

MP3 merupakan seorang cikgu di sebuah sekolah. Beliau juga merupakan muallaf profesional yang terlibat dengan dakwah dalam sebuah persatuan. Beliau terlibat secara aktif dalam persatuan tersebut dan membuat pelbagai perkongsian mengenai pengetahuan Islam kepada sasaran dakwah beliau. Beliau adalah berbangsa India tetapi beliau juga sangat fasih dalam bahasa melayu. Beliau juga merupakan muallaf profesional yang banyak pengalaman dalam penglibatan program-program dakwah.

Latar belakang informan pertama - MP4

MP4 merupakan pengarah persatuan agama Islam di sebuah negeri. Penglibatan beliau dalam usaha dakwah adalah sangat aktif. Beliau adalah bangsa India dan beliau telah memanfaatkan bahasa ibundanya dalam usaha dakwah beliau kepada orang Non-Muslim. Justeru itu, beliau telah mengajak ramai orang memeluk Islam dan mengenali Islam. Terdapat banyak pengalaman dakwah yang beliau tempuhi dan mampu menjadikan dakwah sebagai pekerjaan hakiki beliau.

Latar belakang informan pertama - MP5

MP5 merupakan seorang pegawai dakwah di sebuah organisasi. Penglibatan beliau dalam usaha dakwah adalah secara terus dan sepenuh masa. Pekerjaan tetap beliau juga menekankan konsep dakwah. Beliau adalah seorang yang berbangsa cina dan beliau juga seorang yang selalu memanfaatkan bahasa Cina dalam usaha dakwah beliau. Beliau juga banyak memberi perkongsian di setiap Majlis Agama mengenai perjalanan beliau memeluk Islam.

Latar belakang informan pertama - MP6

MP6 merupakan seorang yang sangat dikenali oleh masyarakat. Kepakaran beliau juga adalah merupakan dari bidang penyampaian dakwah. Oleh itu, beliau adalah seorang yang berpengaruh dan mampu memberi impak yang banyak pada masyarakat. Beliau berasal dari sabah dan berbangsa Kadazan Dusun.

Latar belakang informan pertama - MP7

MP7 merupakan seorang pegawai agama dan beliau terlibat secara langsung dalam dakwah. Beliau seorang pegawai agama yang sentiasa berurusan dengan golongan mualaf. Tambahan itu, kepakaran beliau adalah dalam pengurusan program mualaf. Sehubungan itu, peluang untuk beliau menyebarkan pengetahuan Islam adalah sangat mudah dan berkesan. Beliau merupakan dari bangsa India.

Latar belakang informan pertama - MP8

MP8 merupakan seorang jurutera yang profesional dan telah membangunkan satu persatuan dakwah. Persatuan tersebut banyak memberi sumbangan latihan dan ilmu agama Islam kepada golongan mualaf. Persatuan tersebut mempunyai banyak latihan dakwah untuk golongan mualaf belajar dan praktikkan. Beliau adalah seorang yang berbangsa cina. Beliau banyak memanfaatkan perkara-perkara dakwah dalam bidang profesional beliau.

Latar belakang informan pertama - MP9

MP9 merupakan seorang pensyarah di sebuah universiti awam. Beliau tidak terlibat secara langsung dalam bidang dakwah. Namun begitu, keinginan beliau dalam mahu menjadi seorang pendakwah adalah sangat tinggi. Beliau berasal daripada Sarawak dan berbangsa Bidayuh. Penguasaan bahasa Bidayuh memberi peluang kepada beliau mendekati masyarakatnya.

Latar belakang informan pertama - MP10

MP10 merupakan seorang pegawai dakwah di sebuah organisasi. Beliau seorang informan mualaf profesional yang terlibat secara langsung dalam bidang dakwah. Beliau merupakan berbangsa India. Beliau telah berkerjasama dengan saudaranya yang juga tergolong dalam mualaf profesional. Beliau juga merupakan seorang pendakwah mualaf yang menggerakkan persatuan tersebut.

Analisis Dapatan Kajian

Jadual 2 merupakan persoalan kajian yang perlu dijawab dalam memenuhi analisis keperluan bagi kajian ini.

Jadual 2 Objektif dan persoalan kajian bagi fasa analisis keperluan

Objektif Kajian

Mengenal pasti keperluan pembangunan model pembentukan mualaf profesional sebagai pendakwah.

Bil	Persoalan Kajian
1	Pada pandangan Tuan/Puan apakah bentuk program yang boleh menarik minat golongan mualaf profesional untuk mendalami agama Islam?
2	Pada Pandangan Tuan/Puan apakah medium/saluran yang sesuai untuk menyampaikan pengetahuan Islam kepada golongan mualaf profesional?
3	Pada pandangan Tuan/Puan siapakah golongan pendakwah atau organisasi yang dipilih oleh mualaf profesional dalam penyampaian pengetahuan Islam?
4	Apakah topik-topik perbincangan yang menarik minat golongan mualaf profesional dalam penyampaian dakwah?
5	Di manakah tempat-tempat yang sesuai bagi mualaf profesional mengikuti program dakwah?
6	Apakah cabaran luaran sepanjang penglibatan Tuan/Puan/Encik/Cik dalam dakwah?
7	Apakah masalah dalaman sepanjang penglibatan Tuan/Puan/Encik/Cik dalam dakwah?
8	Apakah cadangan Tuan/Puan/Encik/Cik untuk melahirkan golongan pendakwah dalam kalangan mualaf profesional?
9	Apakah terdapat keperluan pembangunan model mualaf profesional sebagai pendakwah mengurus cabaran berdakwah berdasarkan golongan mualaf profesional?

Soalan 1: Pada pandangan Tuan/Puan apakah bentuk program yang boleh menarik minat golongan mualaf profesional untuk mendalami agama Islam?

Berdasarkan analisis temu bual dijalankan, terdapat beberapa bentuk program yang boleh menarik minat golongan mualaf profesional untuk mendalami agama Islam. Berikut adalah merupakan antara bentuk dakwah yang boleh menarik minat golongan mualaf profesional untuk menjadi pendakwah:

i. Dialog

Dialog adalah bentuk dakwah secara perbincangan, perdebatan, dan soal jawab. Menurut MP8 bahawa berdialog adalah satu bentuk dakwah yang mampu mengembangkan pengetahuan Islam ke antarabangsa; “berdialog beri interaksi perkembangan dakwah antarabangsa berbanding dengan tempatan ada juga yang lebih bergantung pada latar belakang pendidikan mereka sebagai contoh jika mereka benar belajar di luar negara jadi mereka lebih cenderung kepada organisasi dan ngo program yang telah dijalankan oleh kumpulan tersebut di luar negara” (MP8). Justeru itu, dilihat bahawa mualaf profesional kebanyakannya mempunyai kecenderungan yang banyak dalam aktiviti atau program antarabangsa.

Malah, bentuk dakwah ini juga dicadangkan oleh MP4 menyatakan “seperti saya sendiri juga banyak mengadakan dialog agama, datang ke universiti membuka satu perbincangan

tentang pengetahuan Islam dan *talk* bersama tokoh-tokoh agama” (MP4). Oleh itu, berdasarkan analisis temu bual ini, bentuk program dalam dialog secara rasmi dapat menarik minat golongan mualaf profesional untuk mendalami pengetahuan agama Islam dengan lebih mendalam serta mampu pendedahan mengenai keperluan berdakwah dalam kalangan golongan mualaf profesional.

ii. *Street Dakwah*

Street dakwah juga merupakan bentuk program yang memberi pendekatan kepada golongan mualaf profesional mengenai pengetahuan Islam. Menurut MP6; “*Street* dakwah ini satu bentuk program dakwah lapangan seperti berdiskusi antara agama, merangkan tentang Islam dan juga boleh memperjelaskan tentang Islam yang telah disalah fahamkan dan cadangan saya untuk mereka boleh dilakukan di hotel, tempat kerja dan universiti” (MP6). Tambahan itu, MP3 juga menyatakan; “Kem *Street* Dakwah adalah satu platform bagi golongan mualaf profesional berkumpul dan bertukar pendapat sesama mereka”

Menurut MP7; “Penglibatan dalam *Street* Dakwah juga merupakan pendekatan yang boleh digunakan untuk mualaf profesional itu, melalui kaedah ini risalah diedarkan di tempat – tempat yang sering dikunjungi oleh mereka seperti di kafe dan lain-lainlah” Oleh itu, pendekatan program tersebut merupakan satu latihan yang berimpak tinggi dalam golongan mualaf profesional bagi melahirkan pendakwah yang profesional dan berketerampilan untuk menyebarkan pengetahuan Islam kepada masyarakat.

iii. *Tour, Ride dan Travel*

Pada masa kini, terdapat bentuk program dari *tour, ride* dan *travel* dan terdapat banyak organisasi dan persatuan yang menggunakan pendekatan ini untuk menyampaikan dakwah. Menurut MP8; “Golongan profesional, kita nak galakkan dia berjumpa dengan sesama mereka. Jadi kita perlu adakan program yang mereka suka seperti *superbike, travelog* dan saya lihat mereka suka bawa kereta mewah-mewah jelajah dari satu tempat ke satu tempat. Jadi kita boleh buat program macamtu dan selitkan isi-isi ilmiah dalam program tersebut”

iv. *Seminar, Konvensyen dan RTD*

Majoriti informan mencadangkan pendekatan program berbentuk seminar, konvensyen dan RTD. Menurut MP5 menyatakan “organisasi perlu mengumpulkan golongan mualaf profesional ini di khusus-khusus dan seminar-seminar yang melibatkan pertemuan bersemuka” (MP5). Perkara ini juga disokong oleh MP1 yang menyatakan “Kebanyakannya saya lebih suka berhubung terus dengan mufti wilayah sekiranya terdapat peluang sesi soal jawab di tempat ceramah atau seminar” (MP1).

v. Ziarah dan Kunjungan Hormat

Pendekatan program bagi ziarah dan kunjungan hormat ini dicadangkan oleh MP8 yang menyatakan “NGO-NGO serta jabatan agama Islam perlu mendampingi dan membuat kunjungan hormat pada syarikat-syarikat swasta dan kerajaan dan sentiasa membuat program secara berkala dan *consistency* sebab jika berkesempatan pemohon ketika kunjungan hormat untuk memilih wakil dan staf berpotensi itu melibatkan diri dalam program dakwah.” (MP8)

vi. Membudayakan Makan Malam dan Hi Tea

Menurut MP4; “perlu ada program makan malam bersama saudara baru setiap minggu. Kena ada untuk sesi suai kenal kemudian kemesraan adan untuk membina kasih sayang dan penting sekali kerna program yang berfakta dan logik, fekah dan tasawuf” (MP4).

vii. Realiti Show

Menurut MP10; “salah satu mungkin jenis program "*reality show*"(secara *live*). Sekarangkan sudah banyak buat program secara dalam talian yang boleh hadir secara online sahaja” (MP10). Pada peredaran zaman masa kini, pendekatan program seperti ini menjadikan satu kemudahan untuk mereka yang mempunyai kekangan masa dalam penglibatan program secara bersemuka.

viii. Riadah dan Rekreasi

Menurut MP8; “saya dapati riadah dan *federasi* berpaksikan kepada pengisian agama kurang, jadi nak jadi kalau syarikat tu nak buat contoh *treasure hunt* mungkin buat *trajehan* Cheng Ho contoh jadi dia kena kreatif melibatkan golongan mualaf profesional ini dalam program-program yang ada kaitan dengan agamalah.

ix. Kuliah Khas

MP4 menyatakan “cara kuliah dan kelas-kelas yang diadakan di Jabatan Agama Islam ataupun NGO dan kuliah itu khas untuk golongan Mualaf Profesional” (MP4).

x. Training

Menurut MP7; “Latihan komunikasi sangat penting untuk meningkatkan kemahiran berkomunikasi. Melalui latihan ini, kita dapat belajar teknik dan strategi berkomunikasi serta meningkatkan keyakinan dalam menyampaikan pesan kepada masyarakat” (MP7). Tambahan itu beliau juga mencadangkan “organisasi sebenarnya perlu mengadakan program latihan khusus dan sokongan jangka panjang untuk mualaf profesional ni” (MP7).

xi. Mentoring dan Pembimbing

Menurut MP7; “kalian perlu adakan program *mentoring* dan bimbingan untuk memberi sokongan kepada golongan profesional dalam bidang dakwah” (MP7).

Soalan 2: Pada Pandangan Tuan/Puan apakah medium/saluran yang sesuai untuk menyampaikan pengetahuan Islam kepada golongan mualaf profesional?

Berdasarkan analisis temu bual dijalankan, terdapat beberapa medium dakwah yang sesuai untuk menyampaikan pengetahuan Islam kepada golongan Mualaf Profesional. Berikut adalah merupakan antara medium dakwah yang boleh digunakan untuk berkongsi tentang pengetahuan Islam kepada golongan Mualaf Profesional:

i. Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Bahasa Ibunda

Menurut MP5; “boleh menyebarkan ilmu agama Islam dengan menggunakan bahasa ibunda sendiri iaitu bahasa mandiri dengan kawan-kawan” (MP5). Medium ini juga dicadangkan oleh MP1; “Cadangan saya dalam usaha dakwah dalam kalangan mualaf adalah dengan menggunakan bahasa ibunda mereka untuk mendekati sasaran dakwah yang berhampiran dengan mereka. Gunakanlah bahasa ibunda seperti mandarin, indian dan sebagainya kerana keselesaan sasaran dakwah masa kini adalah lebih dengan berkomunikasi dua hala secara bersemuka” (MP1).

Bagi melibatkan dakwah antarabangsa MP8 menyatakan “bertutur Bahasa Inggeris sahaja kumpulan sasaran baik dari segi topik perbincangan berbicara sampai Bahasa Inggeris jadi maka topik perbincangan berpaksi kepada isu-isu yang bukan sahaja fardu ain dan fardu kifayah” (MP8). Selain itu, MP2 menyatakan “Sekiranya ada program yang menggunakan Bahasa Inggeris sebab kalau dalam Bahasa Melayu saya susah nak faham” (MP2).

ii. Media Sosial Pendakwah

MP3 menyatakan “Media Sosial yang sesuai untuk menyampaikan pengetahuan islam kepada golongan mualaf profesional adalah *Facebook*, *tiktok*, *twitter* dan Sosial Media seperti *Facebook*. Isu dakwah masa kini seiring dengan perkembangan teknologi yang berlaku bagi menjamin keberkesanan dalam berdakwah” (MP3).

Sehubungan itu, Golongan mualaf profesional sering berhubung dengan permasalahan kekangan masa seperti yang dinyatakan oleh MP5 yang telah terlibat dengan usaha dakwah “saya memang sentiasa *full time* dan saya juga cari peluang untuk berdakwah di media sosial” (MP5).

iii. Talaqqi (One to One)

MP4 menyatakan “medium talaqqi, *one to one* antara guru dan anak murid ini yang paling berkesan dan efektif” (MP4).

iv. Tanggungjawab Sosial Menerusi Kelab di Tempat Kerja

MP8 menyatakan “menggalakkan syarikat membuka kelab penggerak Islam dan dengan melibatkan diri dalam dakwah” (MP8).

v. Media Digital

Menurut MP7; “penggunaan media digital perlu diketengahkan dalam latihan ini. Pendakwah profesional perlu dilatih untuk menggunakan teknologi dan media digital dalam usaha dakwah mereka” (MP7). Perkara ini disokong oleh MP1; “Program yang menggunakan medium digital, video seperti kita boleh dengar penceramah. Zaman sekarang ni ramai yang tidak bawak *hardcopy* lebih dengan mudah *softcopy*. Jadi saya lebih suka dalam bentuk *softcopy*. Sebagai orang profesional kita mempunyai masa yang singkat adalah jalan mudah bagi mereka apabila ada masa lapang mereka akan membaca *by softcopy* punya buku atau video dan sebagainya” (MP1).

Tambahan itu, MP6 juga menyatakan “Webinar dan e-book (berserta nombor ustaz/ustazah yang boleh dirujuk jika terdapat persoalan berkaitan isi kandungan e-book) boleh menjadi satu medium yang baik” (MP6).

vi. Sertai NGO

MP8 menyatakan “Organisasi kena mengajak mereka menyertai program NGO sebagai ahli atau sukarelawan” (MP8). Terdapat juga informan yang tidak terlibat dengan dakwah, akan tetapi mereka juga suka menyertai NGO seperti yang dinyatakan oleh MP2; “Saya menyertai korporat NGO yang mempunyai campuran agama dalam membantu negara Palestin” (MP2).

vii. Brochure dan Risalah

Menurut MP7 “risalah boleh diedarkan dan dialog diadakan di jalanan untuk memperkenalkan Islam”.

Soalan 3: Pada pandangan Tuan/Puan siapakah golongan pendakwah atau organisasi yang dipilih oleh mualaf profesional dalam penyampaian pengetahuan Islam?

Berdasarkan analisis temu bual dijalankan, terdapat beberapa kriteria pendakwah atau organisasi yang dipilih oleh golongan Mualaf Profesional dalam penyampaian pengetahuan Islam adalah seperti berikut:

i. Pakar dalam sesuatu bidang

Menurut MP5; “setiap kali melakukan dakwah, buat dakwah dalam berkumpulan dan berguru dengan pakar-pakar yang memang dalam bidang mereka macam contoh kita kurang ilmu usuluddin jadi kita cari lah yang pakar dengan bidang tu” (MP5). Tambahan itu, MP9 juga

menyatakan “Pemilihan tidak boleh berdasarkan individu tertentu, tetapi harus berfokus pada kepakaran mereka dalam mengajar topik-topik yang telah ditetapkan. Kepakaran ini merupakan kriteria utama dalam pemilihan pendakwah yang sesuai” (MP9).

Menurut MP1; “Saya juga akan merujuk dan bertanya kepada ustaz-ustaz yang mempunyai pakar dalam sesuatu skop dakwah. Saya tidak terus mengambil semua pendapat malah saya juga menapis pandangan dan pengajaran tersebut melalui mufti, hadis sahih dan sebagainya” (MP1).

ii. Setaraf

Menurut MP9; “Ini boleh dilihat dari banyak segi, jika melibatkan politik maka mualaf ini juga lebih cenderung kepada pendakwah yang sealian dengan mereka. Dan mereka juga boleh menerima pendakwah dari aliran berbeza sekiranya isu yang dibawa tidak dipengaruhi pandangan politik sebaliknya menggunakan ilmu dengan baik. Mualaf profesional ini lebih tertarik jika pendakwah itu adalah pakar dalam bidang dia” (MP9).

iii. Berpengalaman dalam penyampaian program

Menurut MP9; “Dalam pemilihan pendakwah, tidak bergantung kepada individu khusus yang perlu dipilih. Namun, pendakwah tersebut seharusnya memiliki pengalaman atau pengetahuan dalam penyampaian program-program yang telah disebutkan sebelumnya” (MP9).

RQ 4: Apakah topik-topik perbincangan yang menarik minat golongan mualaf profesional dalam penyampaian dakwah?

Berdasarkan analisis temu bual dijalankan, terdapat beberapa mesej dakwah yang boleh menarik minat golongan mualaf profesional dalam penyampaian dakwah adalah seperti berikut:

i. Akidah (Konsep Ketuhanan)

Menurut MP3; “Penyampaian Mesej Akidah dalam Proses Komunikasi Dakwah/ Metode Variasi (*al-Tanwi' wa al-Taghyir*) Asas Metodologi Dakwah Kepada Golongan Profesional” (MP3).

ii. Muamalat (memahami konsep hidup bermasyarakat)

Menurut MP7; “bimbingan khas dakwah yang direka khusus untuk golongan profesional. Selain itu, program khas yang menekankan subjek-subjek Fiqah seperti muamalat, munakahat, dan *jinayat* juga boleh dilaksanakan” (MP7).

iii. Munakahat (memahami konsep kekeluargaan)

Menurut MP9; “Topik-topik perbincangan yang menarik minat golongan profesional dalam penyampaian dakwah adalah muamalat, munakahat, dan jenayah. Berdasarkan pengalaman dan pemantauan, ketiga-tiga subjek ini sering menjadi perhatian orang bukan Islam. Penguasaan ilmu terhadap ketiga-tiga topik ini memungkinkan penerangan persoalan-persoalan yang sering timbul dalam pemikiran mereka. Contohnya, dalam bidang munakahat, terdapat isu apabila salah seorang pasangan meninggalkan Islam, maka hubungan perkahwinan mereka akan terputus. Oleh itu, kepakaran dalam menjawab soalan-soalan berkaitan adalah penting untuk mengelakkan penyesalan di kalangan mereka yang memeluk agama Islam” (MP9).

iv. Memahami Perbandingan Agama

Menurut MP1; “topik yang berkaitan dengan perbandingan agama macam kita belajar dengan tentang agama-agama lain untuk mereka berhadapan dengan masyarakat luar. Mengetahui tentang agama lain juga adalah satu ilmu yang patut kita belajar” (MP1).

v. Metode Dakwah Non-Muslim

Menurut MP6; “saya cadang bagi mereka pengetahuan tentang kaedah dakwah *Non Muslim*” (MP6). Topik ini juga disokong oleh MP1; “Topik yang boleh menarik golongan muallaf profesional adalah dengan mengetahui kepentingan dan makna dakwah itu dan kaedah berdakwah dengan non muslim” (MP1).

vi. Quran Dan Sains

Terdapat tiga informan mencadangkan topik Quran dan Sains diperbincangkan seperti yang dinyatakan oleh MP10; “Quran dan Sains, soal jawab yang padat, tauhid” (MP10), MP4; “Keempat, Quran dan Sains” (MP4) dan MP6 mencadangkan “Islam dan Sains” (MP6).

vii. Berkaitan Dengan Bidang /Profesion

Menurut MP5; “Topik dakwah yang sesuai dengan bidang kemahiran golongan muallaf profesional tersebut sebab mereka lebih banyak meluangkan masa dengan kepakaran bidang mereka” (MP5). MP9 juga menyatakan “Kebanyakan golongan ini boleh menerima segala ilmu, mereka ini lebih terbuka. Bagi saya tiada topik yang tertentu yang menarik atau tidak menarik. Tapi yang lebih penting berbalik kepada tadi, iaitu pendakwah tersebut mempunyai kepakaran dalam bidang yang dia bercakap. Jika topik itu dikupas dengan baik oleh pakarnya maka itu akan menarik golongan profesional ini” (MP9).

viii. Akhlak

Menurut MP1; “menjadi seorang profesional kena menunjukkan perwatakan yang baik, mempunyai akhlak yang baik. topik yang mengajar golongan mualaf profesional mengenai memberi faham kepada mereka bahawa mereka ada model dan contoh bagi masyarakat jadi seorang model perlu ada perwatakan Islam yang bagaimana?”

RQ 5: Di manakah tempat-tempat yang sesuai bagi mualaf profesional mengikuti program dakwah?

Berdasarkan analisis temu bual dijalankan, terdapat beberapa tempat yang sesuai bagi golongan Mualaf Profesional mengikuti program dakwah adalah seperti berikut:

i. Tempat Kerja

Menurut MP8; “memupuk dia dari tempat kerja. sebab dia banyak luangkan masanya di pejabat dan pengisian dalam pejabat itu penting” (MP8).

ii. Masjid/Surau

MP8 menyatakan “Mungkin boleh juga kita susun di masjid dan surau supaya mereka boleh melibatkan diri dalam kariah atau menjadi sukarelawan ajk secara aktif sekaligus mereka akan terdedahlah pada program kuliah, derma, aktiviti pengurusan masjid”. dan ia disokong oleh MP5 juga mencadangkan pemilihan tempat di masjid serta dibuktikan impaknya oleh MP4; “kuliah di masjid mendapat sambutan yang hebat seperti kuliah ustaz Samsuri” (MP4).

iii. Hotel

Menurut MP7 menyatakan “lokasi yang selesa dan kondusif. Hotel merupakan pilihan utama kerana ia menyediakan persekitaran yang elegan dan kemudahan yang mudah diakses” (MP7). Tambahan itu dijelaskan oleh MP10, MP5 bahawa terdapat banyak program yang boleh dilakukan di hotel.

iv. Universiti

Menurut MP6 menyatakan bahawa program juga boleh dibuat di universiti seperti mana disokong oleh MP7; “program *street* dakwah, Seminar dan latihan boleh dibuat di kawasan belajar (Universiti)”.

v. Tempat mengikut keadaan

Menurut MP7; “Pemilihan tempat yang menarik dan eksklusif ini menunjukkan penghargaan terhadap status profesional mereka dan boleh meningkatkan minat mereka terhadap program dakwah yang dijalankan” (MP7).

vi. Tempat mengikut keperluan

Menurut MP8; “Tempat-tempat yang sesuai adalah seperti *conference* yang besar dan salah satu platform adalah tempat *international Islamic conference*. Mereka juga cenderung kepada program-program anjuran JAWI, JAKIM, IKIM yang ada barisan jemputan panel yang terdiri daripada seluruh dunia iaitu ada dari khazastan, saudi, australia” (MP8). Justeru iaitu pemilihan tempat mengikut keperluan pertemuan dan perbincangan juga sangat penting bagi memastikan perjalanan program lebih berkesan.

RQ 6: Apakah cabaran luaran sepanjang penglibatan Tuan/Puan dalam dakwah?

Berdasarkan analisis temu bual dijalankan, terdapat beberapa cabaran luaran sepanjang penglibatan informan dalam dakwah adalah seperti berikut:

i. Cabaran dengan penggunaan masa

Menurut MP8 “cabaran besar adalah masa, orang profesional ni banyak habiskan masa dengan kerja, jadual kami sangat penuh dan ada juga cabaran masa dari pihak lain contohnya mereka memilih masa buat program itu adalah masa Ramadan, kita tak boleh nak buat apa, dijalankan waktu umat Islam tengah solat dan ada diteruskan dengan pesta arak, dadah, pergaulan bebas, pil hayal dan apa lagi seks terbuka LGBT dan lain-lain” (MP8). Cabaran ini juga dinyatakan oleh MP6; “Cabaran saya jadual kerja yang tidak mengizinkan” (MP6).

ii. Cabaran dari perspektif masyarakat

Cabaran ini adalah cabaran yang sering kali dibincangkan dalam setiap pendakwah seperti mana yang dinyatakan oleh MP5 “Berhadapan dengan tanggapan negatif orang yang bukan Islam. Itu adalah cabaran luaran yang biasa diterima oleh semua pendakwah” (MP5). Temu bual dari MP4 juga menyatakan kekerapan perkara ini berlaku “cabaran dari *non* Muslim sentiasa memberi tekanan pada saya” (MP4).

Manakala menurut MP7 “Cabaran pertama berkaitan dengan sikap masyarakat yang sering mempunyai pandangan negatif atau salah faham tentang Islam. Cabaran kedua adalah ketidakfahaman dalam kalangan masyarakat umum. Ramai yang kurang memiliki pengetahuan asas tentang Islam, menyebabkan ketidakfahaman tentang ajaran dan amalan Islam” (MP7). Seterusnya, MP6 juga ada menyatakan “Terdapat masyarakat yang tidak dapat menerima *konten* penyampaian khususnya yang belum beragama Islam. Selain itu, terdapat juga orang Islam yang suka mengkritik pendakwah ‘mualaf’ “ (MP6).

iii. Kewangan

Menurut MP4; “Ketiga, masalah kewangan. Masalah menampung program aktiviti pencetakan sumber manusia, IPSI lebih memerlukan lebih kurang 2 juta 1 tahun dan kena cari siang dan malam, kena ceramah kena jumpa dengan orang. kerajaan tidak memberi geran kepada IPSI

sampai sekarang tidak ada peruntukan yang besar mungkin seribu 2 ribu 3 ribu dan mungkin 2 ke 3 tahun ini kita bergabung”.

RQ 7: Apakah masalah dalaman sepanjang penglibatan Tuan/Puan/Encik/Cik dalam dakwah?

Berdasarkan analisis temu bual dijalankan, terdapat beberapa masalah dalaman sepanjang penglibatan informan dalam mengikuti program dakwah adalah seperti berikut:

i. Masalah penguasaan ilmu agama

Masalah ini sering terjadi pada golongan pendakwah seperti mana yang dinyatakan oleh MP3; “Dan masalah lain ada sentiasa merasa ilmu kita masih perlu ditambah, mencari ilmu dimana-mana” (MP3). Menurut MP6 “setiap muallaf mesti merasakan Keterbatasan ilmu” (MP6). Tambahan itu, perkara ini juga diskong oleh MP7; “Pertama kekurangan ilmu pengetahuan. Pendakwah sering menghadapi cabaran apabila berhadapan dengan *mad'u* yang lebih berpengetahuan, terutamanya golongan profesional. Kekurangan pengetahuan dalam isu-isu kontemporari dan aspek mendalam agama Islam menyebabkan kurang keyakinan dalam menjawab soalan-soalan kompleks. Ini menimbulkan kesukaran dalam menyampaikan dakwah kepada masyarakat bukan Islam yang lebih terpelajar” (MP7).

ii. Masalah penguasaan ilmu dakwah

Menurut MP7; “Kedua kekurangan kemahiran berkomunikasi. Masalah komunikasi timbul apabila pendakwah tidak mampu menyampaikan dakwah dengan cara yang menarik atau dalam bahasa yang dikuasai oleh *mad'u*” (MP7) dan MP4 menyatakan “Kurangannya kefahaman ahli kepentingan dakwah *non* Muslim” (MP4). Melalui pernyataan MP7 menunjukkan penguasaan ilmu dakwah juga sangat penting untuk seorang pendakwah agar usaha dakwah yang dijalankan lebih berkesan.

iii. Masalah dari kekuatan diri sendiri sebagai seorang pendakwah

Menurut MP6; “kami mempunyai masalah kurang keyakinan diri sebab kami beranggapan kami bukanlah orang yang sudah tinggi ilmu agamanya” (MP6). Perkara ini juga dinyatakan oleh MP5 “Masalah cabaran dengan diri sendiri iaitu dengan jaga diri ingatkan diri dakwah ni bukan untuk mencari populariti dan sentiasa istiqomah dalam berdakwah” (MP5).

RQ 8: Apakah cadangan Tuan/Puan untuk melahirkan golongan pendakwah dalam kalangan muallaf profesional?

Berdasarkan analisis temu bual dijalankan, terdapat beberapa cadangan antaranya adalah:

i. Penglibatan mengikut kecenderungan dan minat

Menurut MP6; “Latihlah mereka menjadi pendakwah dalam bidang kepakaran mereka. Bukannya “memaksa” mereka ustaz dan ustazah. Contohnya jika beliau adalah arkitek, latih beliau menjadi orang yang pakar dalam seni bina Islam” (MP6).

ii. Bimbingan khas menjadi pendakwah

Menurut MP7; “saya cadang mengadakan program latihan khusus dan sokongan jangka panjang. Ini melibatkan kursus intensif asas yang memberi fokus pada asas akidah dan fiqah (Ustaz JAIS). Kursus lanjutan juga perlu diadakan untuk memberi fokus kepada topik-topik khusus seperti dakwah kepada golongan profesional dan pengurusan penyampaian mesej dalam konteks yang pelbagai. Latihan kemahiran komunikasi juga perlu diberi penekanan kepada golongan pendakwah profesional, kerana walaupun mereka mahir dalam bidang profesional mereka, kemahiran komunikasi dalam konteks dakwah mungkin perlu dipertingkatkan” (MP7).

iii. Menyertai NGO yang sesuai dengan profesion dan personaliti

Menurut MP8; “mengajak mereka menyertai program NGO sebagai ahli atau sukarelawan” (MP8).

iv. Diberi jawatan dalam NGO, Surau dan masjid

Menurut MP8; “memberi mereka jawatan dia dalam NGO dan mereka boleh melibatkan diri dalam kariah atau menjadi sukarelawan ajk secara aktif sekaligus mereka akan terdedahlah pada program kuliah, derma, aktiviti pengurusan masjid.” (MP8).

RQ 9: Apakah terdapat keperluan pembangunan model muafaf profesional sebagai pendakwah mengurus cabaran berdakwah berdasarkan golongan muafaf profesional?

Berdasarkan analisis temu bual dijalankan, kesemua informan kajian bersetuju terhadap keperluan pembangunan model muafaf profesional sebagai pendakwah dalam mengurus cabaran berdakwah berdasarkan golongan muafaf profesional. Menurut MP1; “ada keperluan dalam pembangunan model muafaf profesional sebagai pendakwah sebab kami sebenarnya ramai yang nak jadi pendakwah tetapi tiada panduan dan tunjuk ajar” (MP1).

Perbincangan

Kajian oleh Rahman et al. (2018) menyatakan bahawa sesi dialog berstruktur, seperti forum atau diskusi terbuka, merupakan kaedah yang efektif untuk muafaf mendalami agama Islam. Dialog ini memberikan ruang kepada mereka untuk bertanya dan mendapatkan penjelasan tentang isu agama yang relevan dengan kehidupan harian mereka. Melalui platform ini, muafaf profesional dapat berinteraksi secara langsung dengan pakar dan pendakwah, menjadikan pembelajaran lebih bersifat personal dan inklusif.

Hassan dan Aziz (2021) menekankan keberkesanan *street* dakwah, di mana program ini memperkenalkan Islam melalui interaksi santai di tempat awam. Aktiviti seperti pemberian risalah, dialog santai, atau pameran mini dapat menarik perhatian muallaf profesional yang sering bergerak dalam persekitaran sosial yang sibuk. Pendekatan ini juga mampu menyampaikan mesej Islam dengan cara yang mudah diterima dan tidak formal.

Menurut Mohd Salleh (2022), program lawatan dan perjalanan seperti *Islamic tours, ride* bersama komuniti Muslim, dan aktiviti travel dengan nilai Islam dapat menarik minat golongan muallaf profesional. Aktiviti ini bukan sahaja memberi pendedahan kepada sejarah dan budaya Islam tetapi juga mencipta pengalaman praktikal yang meningkatkan kefahaman mereka terhadap agama. Misalnya, lawatan ke masjid-masjid bersejarah atau program perkhemahan Islamik.

Abdullah et al. (2019) mencadangkan bahawa seminar dan konvensyen bertema seperti "Islam dan Profesionalisme" atau "Cabaran Muallaf dalam Dunia Moden" dapat menjadi platform penting untuk muallaf profesional. Program seperti ini menawarkan pembentangan daripada pakar, sesi soal jawab, dan peluang jaringan yang relevan dengan cabaran kehidupan profesional muallaf.

Azmi dan Hamid (2020) menyatakan bahawa program ziarah dan kunjungan hormat, seperti lawatan ke rumah muallaf atau tokoh agama, adalah pendekatan penting untuk membina hubungan sosial dan spiritual. Program ini dapat membantu muallaf merasa lebih diterima dalam komuniti Islam, sambil memperkenalkan nilai-nilai Islam melalui interaksi secara langsung.

Kesimpulan

Kesimpulannya, berdasarkan tinjauan keperluan ini, didapati segala persoalan kajian bagi fasa ini telah terjawab. Fasa ini menunjukkan bahawa terdapat cabaran dan masalah dalam kalangan informan bagi mendalami pengetahuan Islam dan seterusnya menjadi seorang pendakwah. Selain itu, ia juga menunjukkan bahawa terdapat beberapa proses dan kaedah yang perlu dilalui oleh golongan muallaf profesional bagi mengatasi cabaran dan masalah tersebut. Seterusnya tinjauan keperluan ini mendapati majoriti informan bersetuju terhadap keperluan dalam membangunkan model muallaf profesional sebagai pendakwah. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab pengkaji untuk menghasilkan model muallaf profesional sebagai pendakwah yang dapat memberikan manfaat dan panduan kepada golongan muallaf profesional dalam penyampaian dakwah.

Rujukan

- Abdullah, N., Zainuddin, M. N., & Ahmad, R. (2019). Enhancing the identity of Muslim converts through cultural and psychological approaches. *Journal of Islamic Studies*, 35(2), 134-150.
- Azmi, S. A., & Hamid, M. N. (2020). Online learning platforms for Muslim converts: A study on flexibility and effectiveness. *Islamic Educational Research Journal*, 8(1), 56-70.
- Ellis & Levy. (2010). A guide for novice researchers: Design and development research methods. *Proceedings of Informing Science & IT Education Conference (InSITE) 2010*.

- Hassan, R., & Aziz, F. (2021). Islamic values in professional life: A guide for new Muslim professionals. *Journal of Islamic Management*, 12(3), 87-99.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil & Nurulrabihah Mat Noh. (2020). *Kepelbagaian Metodologi Dalam Penyelidikan Reka Bentuk dan Pembangunan*. Shah Alam, Selangor. Qaisar Prestige Resource.
- Mohd Ridhuan Mohd Jamil. 2016. *Pembangunan Model Kurikulum Latihan Skives Bagi Program Pengajian Kejuruteraan Pembelajaran Berasaskan Kerja*. PhD thesis, University of Malaya.
- Mohd Salleh, Z. (2022). Building social networks for Muslim converts: A community approach. *Contemporary Islamic Studies*, 15(4), 201-215.
- Rahman, S. M., Abdullah, N., & Khalid, Z. (2018). The role of mentoring in Islamic education for Muslim converts. *International Journal of Dakwah and Islamic Studies*, 10(2), 45-60.
- Richey, R. C., & Klein, J. (2007). *Design and Development Research: Methods, Strategies, and Issues*. Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, Publishers.
- Rossett, A. (1987). *Training Needs Assessment*. Englewood Cliffs, NJ: Educational.
- Saedah Siraj, Norlidah Alias, Dorothy DeWitt, & Zaharah Hussin. (2013). *Design and developmental research: Emergent trends in educational research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia.
- Saedah, S., Norlidah, A., DeWitt, D., & Zaharah, H. (2013). *Design And Developmental Research: Emergent Trends In Educational Research*. Kuala Lumpur: Pearson Malaysia Sdn. Bhd.
- Shukor Beram, Marinah Awang, & Ramlee Ismail. (2020). Pembangunan model kompetensi pemimpin pertengahan: Satu kajian reka bentuk dan pembangunan. *Journal of Educational Research & Indegenous Studies Journal*, 2(1), 1-11.